

16 OCT 2000

ALMARHUM PUTERA ARAB SAUDI TERIMA ANUGERAH IFNGO

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Almarhum Putera Faisal Bin Fahed ibni Abdul Aziz dari Arab Saudi dikurniakan Anugerah Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (IFNGO) 2000 daripada Setiausaha Kehormat IFNGO Mustapha Ma di sini hari ini.

Anugerah itu diterima oleh Duta Arab Saudi ke Malaysia Hamed Ma Yahya di kedutaan itu di sini.

Anugerah itu dikurniakan kepada putera itu kerana sumbangan penting baginda terhadap perjuangannya menentang penyalahgunaan dadah dalam pelbagai aspek termasuk menggariskan strategi untuk Jawatankuasa Kebangsaan bagi Pencegahan dadah di Arab Saudi.

Beliau juga menaja buku dan majalah, menganjurkan persidangan kebangsaan, mengarahkan universiti mendidik guru dan pengajar, mengatur pertandingan akademik, mengarahkan penghasilan program televisyen dan menyokong penyelidikan, semuanya dalam bidang pencegahan dadah.

IFNGO diperbadankan di Malaysia pada 1991 untuk mengerakkan sumber-sumber yang diperlukan bagi menyokong aktiviti IFNGO dalam pembasmian masalah dadah dan ubat sedut.

Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung, kerana jawatan, pertama yayasan itu.

-- BERNAMA
NHA ZS LAT